

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

## HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out this product. Be sure to also read the general terms and conditions. / Anda perlu membaca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum membuat keputusan untuk membeli produk ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat umum.)



**Gibraltar BSN**  
A refreshing approach to life insurance

Gibraltar BSN Life Berhad (277714-A)

Gibraltar BSN Life Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia / Gibraltar BSN Life Berhad adalah berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia

## DON'T WORRY CREDIT SHIELD and / dan DON'T WORRY BEREAVEMENT

<b>1. What are Don't Worry Credit Shield and Don't Worry Bereavement? / Apakah Don't Worry Credit Shield dan Don't Worry Bereavement?</b>		
<p>Don't Worry Credit Shield and Don't Worry Bereavement are yearly renewable group term life insurance plan. Don't Worry Credit Shield provides coverage for death and Total &amp; Permanent Disability (TPD). Don't Worry Bereavement is an optional rider that provides coverage for Bereavement Benefit where Life Assured may opt for. / Don't Worry Credit Shield dan Don't Worry Bereavement adalah insurans kumpulan bertempoh yang diperbaharui setiap tahun. Don't Worry Credit Shield memberi perlindungan terhadap kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh &amp; Kekal (HUMK). Don't Worry Bereavement adalah satu rider pilihan yang memberi perlindungan terhadap Manfaat Perkabungan di mana Orang yang Diinsuranskan boleh memilih.</p>		
<b>2. What are the covers / benefits provided? / Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?</b>		
Don't Worry Credit Shield	Death & Total and Permanent Disability (TPD) Benefit  Manfaat Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Upon death or TPD, the Sum Assured will be payable in one lump sum. / Apabila berlaku kematian atau HUMK, Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar secara sekaligus.</li> <li>Sum Assured is defined as the total statement balance on all the Life Assured's Principal Credit Card(s) Being Insured, including any finance and late payment charges, less any indebtedness, as at the time of the Life Assured's death or becoming TPD subject to a maximum amount of RM100,000 per Life Assured. / Jumlah yang Diinsuranskan didefinisikan sebagai jumlah baki penyata pada semua Kad Kredit Utama Orang yang Diinsuranskan Yang Dilindungi, termasuk sebarang caj kewangan dan caj bayaran lewat, ditolak sebarang hutang, pada masa Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau menjadi HUMK tertakluk kepada jumlah amaun maksimum RM100,000 setiap Orang yang Diinsuranskan.</li> </ul>
Don't Worry Bereavement	Bereavement Benefit  Manfaat Perkabungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>This is an <b>optional</b> rider. / Ini adalah rider <b>pilihan</b>.</li> <li>Upon death, RM3,000 on each Principal Credit Card Being Insured will be paid in one lump sum. This benefit is payable on top of the maximum death sum assured limit. / Pada kematian, RM3,000 bagi setiap Kad Kredit Utama Yang Dilindungi akan dibayar sekaligus. Manfaat ini akan dibayar di atas had maksimum Jumlah yang Diinsuranskan bagi kematian.</li> <li>The Bereavement Benefit is not payable if Death Benefit is not payable. / Manfaat Perkabungan tidak akan dibayar jika Manfaat Kematian tidak dibayar.</li> </ul>
<b>3. How much premium do I have to pay? / Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>The estimated total premium that you have to pay: / Anggaran jumlah premium yang perlu dibayar:                      Don't Worry Credit Shield - RM0.30 per RM100 Sum Assured per month of the outstanding balance at credit card statement date on the Life Assured's Principal Credit Card Being Insured.                      Don't Worry Credit Shield - RM0.30 setiap RM100 Jumlah yang Diinsuranskan setiap bulan daripada jumlah tertunggak pada tarikh penyata kad kredit untuk Kad Kredit Utama Orang yang Diinsuranskan Yang Dilindungi.                      Don't Worry Bereavement - (Optional) RM6 per month will be charged on each Principal Credit Card Being Insured for Bereavement Benefit.                      Don't Worry Bereavement - (Pilihan) RM6 setiap bulan akan dicaj bagi setiap Kad Kredit Utama Yang Dilindungi untuk Manfaat Perkabungan.</li> <li>Premium payment mode: Monthly                      Mod pembayaran premium: Bulanan</li> </ul>		
<b>4. What are the fees and charges that I have to pay? / Apakah jenis yuran dan caj yang perlu saya bayar?</b>		
Nil / Tiada		
<b>5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of? / Apakah perkara-perkara dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?</b>		
<ul style="list-style-type: none"> <li>The premium shall be debited from the cardholder's monthly credit card statement. / Premium akan didebitkan dari penyata bulanan pemegang kad kredit.</li> <li>The premium is not guaranteed and may change depending on our claims experience. / Premium adalah tidak dijamin dan mungkin berubah bergantung pada pengalaman tuntutan kami.</li> <li>The maximum cumulative amount of benefits payable under this plan for death/TPD (excluding Bereavement Benefit) shall not exceed RM100,000 per Life Assured. / Jumlah maksimum manfaat terkumpul yang dibayar di bawah pelan ini untuk kematian/HUMK (kecuali Manfaat Perkabungan) tidak boleh melebihi RM100,000 bagi setiap Orang yang Diinsuranskan.</li> <li>Waiting period – we will not cover any disease or illness, which occurs within thirty (30) days (inclusive) from the effective date of Commencement of Coverage under each Certificate of Insurance. / Tempoh menunggu – kami tidak akan melindungi mana-mana penyakit atau sakit lama yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari (termasuk) dari tarikh berkuat kuasa Permulaan Perlindungan di bawah setiap Sijil Insurans.</li> <li>Free-look period – you may cancel your Certificate of Insurance by returning it to us within fifteen (15) days after you have received the Certificate of Insurance. The premiums that you have paid will be refunded to you. / Tempoh pengamatan percuma – anda boleh membatalkan Sijil Insurans anda dengan mengembalikannya kepada kami dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerimanya. Premium yang anda telah bayar akan dipulangkan.</li> <li>You or your representatives must give us written notice as soon as possible after a claim event. Any delay in doing so may affect our claim assessment. Please call our customer service representative who will guide in filing the claims. / Anda atau wakil anda mesti memberikan notis bertulis secepat mungkin selepas peristiwa tuntutan. Sebarang kelewatan dalam pembuatan demikian boleh menjejaskan taksiran tuntutan kami. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan kami yang akan membimbing dalam pengemukaan tuntutan.</li> </ul> <p>Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Master Policy for the terms and conditions under this Certificate of Insurance. A copy of the Master Policy Contract can be obtained from the customer service department, Gibraltar BSN Life Berhad.                  Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi Induk untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah Sijil Insurans ini. Sesalinan Polisi Induk boleh diperolehi daripada jabatan perkhidmatan pelanggan, Gibraltar BSN Life Berhad.</p>		

**6. What are the major exclusions under this Certificate of Insurance? / Apakah pengecualian utama di bawah Sijil Insurans ini?**

- If the Life Assured, within one (1) year from the effective commencement date, dies resulting directly or indirectly from attempted suicide while sane or insane, our liability shall be limited to the amount of the premium paid, without interest. / Jika Orang yang Diinsuranskan, dalam jangka masa satu (1) tahun dari tarikh mula berkuat kuasa, meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung akibat cubaan membunuh diri sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras, liabiliti kami akan terhad kepada jumlah premium yang telah dibayar, tanpa faedah.
- No TPD benefits will be payable if the disability is due to self infliction, participation in dangerous contest or illness suffered before Certificate of Insurance issuance. / Tiada manfaat HUMK akan dibayar jika ketidakupayaan adalah diakibatkan oleh kecederaan diri, penyertaan dalam pertandingan bahaya atau penyakit yang ditanggung sebelum pengeluaran Sijil Insurans.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Master Policy for the full list of exclusions under this Certificate of Insurance.  
Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Polisi Induk untuk senarai penuh pengecualian di bawah Sijil Insurans ini.

**7. Can I cancel my coverage? / Bolehkah saya membatalkan perlindungan ini?**

You may cancel your Certificate of Insurance at any time by giving written notice to us. This is not a savings plan and therefore does not have any cash value upon surrender or termination. / Anda boleh membatalkan Sijil Insurans anda bila-bila masa dengan memberi kami notis bertulis. Pelan ini bukan pelan simpanan, oleh itu tiada nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan.

**8. What do I need to do if there are changes to my contact details? / Apa yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan maklumat untuk dihubungi?**

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. / Adalah penting untuk memberitahu kami sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat untuk dihubungi bagi memastikan segala surat menyurat sampai pada waktu yang ditetapkan.

**9. Where can I get further information? / Di manakah jika saya ingin mendapatkan maklumat lanjut?**

Should you require additional information about life insurance, please refer to the *insuranceinfo* booklet on "Life Insurance" available at all our branches or you can obtain a copy from the bank sales staff or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my). / Jika anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans hayat, sila rujuk buku maklumat insurans berkenaan Insurans Hayat yang terdapat di semua cawangan kami atau dapatkan sebuah daripada kakitangan jualan bank atau kunjungi [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

If you have any enquiries, please contact us: / Jika anda mempunyai sebarang soalan, sila hubungi kami:

**Gibraltar BSN Life Berhad** [277714-A]

(Formerly known as / Dahulunya dikenali sebagai Uni.Asia Life Assurance Berhad)

Bangunan Gibraltar BSN, 16, Jalan Tun Tan Siew Sin, 50050 Kuala Lumpur, Malaysia

P.O. Box 10845, 50726 Kuala Lumpur

General Line / Talian Am: 03-2687 2000

Customer Service / Khidmat Pelanggan: 03-2687 2020

Fax / Faks: 03-2026 6097

[www.GibraltarBSN.com](http://www.GibraltarBSN.com)

Email / E-mel: [customerservice@gibraltarbsn.com](mailto:customerservice@gibraltarbsn.com)

**10. Other similar types of plan available. / Pelan lain yang serupa.**

Please ask us or our intermediary for other similar types of plans offered by us. / Sila rujuk kepada kami atau pengantara kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh kami.

**IMPORTANT NOTE: / NOTA PENTING:**

**BUYING LIFE INSURANCE POLICY IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF POLICY THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION. / MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN JANGKA MASA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN SERTA BERSESUAIAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at: / Maklumat di atas adalah sah pada: